



KENYATAAN DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) menggalakkan anggota kerja dan pelanggan untuk berani tampil sebagai Pemberi Maklumat bagi membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar. Pekerja dan pelanggan yang menyedari berlakunya sebarang potensi penyelewengan, salah laku dan penyalahgunaan kuasa adalah digalakkan untuk melaporkan perkara yang diketahui ke saluran yang betul, dengan niat baik, tanpa rasa takut terhadap ancaman.

Dasar Pendedahan Maklumat ini bertujuan untuk memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan) secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku dengan melaporkan maklumat tersebut dalam perkhidmatan di JKMM. Dasar Pendedahan Maklumat JKMM boleh bertindak sebagai sistem amaran awal untuk mengelak kemungkinan risiko kerugian atau menjejaskan reputasi kepada JKMM.

OBJEKTIF DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Objektif utama Dasar ini adalah:

- i. Untuk menggalakkan pelanggan dan anggota kerja JKMM mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang telah disedari olehnya;
- ii. Memberi perlindungan kepada individu yang melaporkan dakwaan Kelakuan Tidak Wajar itu; dan
- iii. Menguruskan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar mengunapakai cara yang sesuai dan tepat pada masanya.

SKOP DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Dasar ini terpakai kepada mana-mana Kelakuan Tidak Wajar, melibatkan anggota kerja JKMM yang memberi kesan kepada pihak ketiga, seperti orang awam, perunding, vendor, kontraktor, agensi luar dan/ atau mana-mana pihak lain yang mempunyai hubungan dengan JKMM. Kelakuan Tidak Wajar adalah seperti berikut:

- i. Rasuah atau penipuan;
- ii. Kesalahan jenayah;
- iii. Salah guna wang atau harta JKMM;
- iv. Kesalahan tatatertib;
- v. Kesilapan pengurusan yang melampau dalam JKMM;
- vi. Ketirisan kewangan yang serius dalam JKMM;
- vii. Kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga JKMM/ agensi di bawah JKMM atau orang awam atau keadaan persekitaran;
- viii. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- ix. Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua / mana-mana kesalahan di atas.

Walau bagaimanapun, Dasar ini tidak meliputi perkara yang dinyatakan dalam prosedur lain iaitu:

- i. Aduan pelanggan terhadap perkhidmatan di JKMM;
- ii. Keluhan peribadi mengenai anggota kerja JKMM, terma dan syarat pekerjaan, atau lain-lain aspek hubungan kerja,
- iii. Aduan mengenai buli atau gangguan; dan
- iv. Perkara-perkara melibatkan tatatertib yang dilindungi di bawah Dasar dan prosedur, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Sekiranya anggota kerja tidak pasti sama ada perbuatan tertentu merupakan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Dasar ini, anggota kerja digalakkan untuk mendapatkan nasihat atau bimbingan daripada pegawai atasan terdekatnya, Ketua Bahagian/ Unit atau Pegawai Integriti. Peruntukan Dasar ini hanya terpakai bagi pendedahan yang dibuat kepada pihak yang berkenaan dalam JKMM.

PROSEDUR DALAM MEMBUAT PENDEDAHAN

Semua pendedahan boleh dilaporkan mengikut saluran seperti dinyatakan didalam prosedur ini iaitu:

- i. Hadir sendiri
- ii. Surat
- iii. Emel (aduanintegriti@melaka.gov.my)
- iv. Telefon di talian 06-2307416

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat meliputi:

- i. Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat akan dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan; dan
- ii. Perlindungan daripada tindakan memudaratkan seperti kehilangan pekerjaan atau sebarang bentuk pembalasan.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat akan diberi sekiranya: Pendedahan dibuat dengan jujur dan niat yang baik:

- i. Maklumat dan dakwaan yang diberikan adalah benar; dan
- ii. Pendedahan yang dibuat bukan berdasarkan kepentingan peribadi atau berniat jahat

Sekiranya didapati maklumat dan dakwaan yang diberikan palsu, tindakan berikut akan dipertimbangkan iaitu:

- i. Jika melibatkan anggota kerja JKMM, tindakan tatatertib hendaklah diambil; dan
- ii. Jika melibatkan pelanggan, pembekal, subkontraktor atau perunding, hendaklah menyemak semula hubungan perniagaan/perkhidmatan yang digunapakai semasa dan pada masa akan datang.


DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA

27 FEBRUARI 2025



POLISI ANTI RASUAH JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) komited untuk mempraktikkan tadbir urus terbaik melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada semua anggota kerja dan aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan melalui:

- a) Mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk perlakuan rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara adil, professional dan berintegriti dalam semua urusan bagi memastikan segala ruang dan peluang, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- b) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan;
- c) Memastikan ianya bersesuaian dengan hala tuju Visi dan Misi JKMM;
- d) Mewujudkan proses yang boleh mengenal pasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai Objektif Sistem Pengurusan Anti-Rasuah;
- e) Melaksanakan polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk perlakuan rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti-Rasuah yang melibatkan semua pihak berikut:
 - i. Semua Jabatan / Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka; dan
 - ii. Semua rakan niaga termasuk pembekal, kontraktor dan vendor
- f) Menyediakan saluran serta menggalakkan pelaporan aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat JKMM;
- g) Memastikan kawalan serta penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah JKMM (MS ISO 37001);
- h) Unit Integriti, JKMM bertindak secara berkecuali dan bertanggungjawab mengawal selia isu-isu integriti dan rasuah;
- i) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana warga JKMM yang didapati tidak mematuhi dan melanggar Polisi Anti-Rasuah JKMM yang berkaitan.


DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA

27 FEBRUARI 2025



POLISI HADIAH JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) komited untuk memberi perkhidmatan dengan standard integriti dan tadbir urus yang baik. Polisi Hadiah ini diwujudkan untuk memastikan anggota kerja JKMM mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 (PP 3/1998) dalam memberi, atau menerima hadiah dari dalam dan luar premis kerja.

Polisi Hadiah JKMM menghendaki Warga JKMM menunjukkan standard etika dan kelakuan baik dalam semua perkara apabila berurusan dengan pihak ketiga, untuk mengekalkan kerja beretika, hubungan perniagaan dan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau kemunculan konflik kepentingan.

Polisi Hadiah JKMM hendaklah dibaca bersama-sama Ceraian UP.7.2.5 Tatacara Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam dan Polisi Anti Rasuah Jabatan Ketua Menteri Melaka.


DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
MELAKA

27 FEBRUARI 2025